

ISU SELEWENG WANG ZAKAT MAIPK

‘Pikul amanah dengan jujur’

Oleh Zuhainy Zulkifli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Pihak yang diberi tanggungjawab mengurus harta zakat dinasihatinya supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan melaksana tugas dengan jujur dan integriti, kata Mufti Pulau Pinang Datuk Seri Dr Wan Mohd Salim Wan Mohd Noor.

Kata beliau, perlu diingatkan bahawa setiap amalan yang dilakukan di dunia akan dibentangkan di hadapan Allah SWT di hari qiamat dan akan dibalas sewajarnya.

“Sesungguhnya kehidupan dunia hanyalah sementara, akhirat juga yang

“Sesungguhnya kehidupan dunia hanyalah sementara”

kekal abadi, oleh yang demikian, utamakanlah (kehidupan) yang kekal di atas,” katanya dihubungi di sini, semalam.

Wan Salim berkata demikian ketika diminta mengulas penahanan dua individu berhubung siasatan ke atas sebuah syarikat yang dilantik sebagai ejen kutipan zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) selepas disyaki menyeleweng ku-

tipan zakat sebanyak RM9.62 juta.

Mengulas lanjut, Wan

Salim berkata, penguat kuasa berkaitan perlu bertindak mencegah penyelewengan itu dengan mendakwa pelakunya serta diadili di mahkamah mengikut undang-undang sedia ada.

Kata beliau, pihak yang dilantik kerajaan bagi menguruskan harta zakat pulalah perlu memikul amanah dalam melaksanakan tugas itu dengan jujur dan bertanggungjawab.

“Firman Allah SWT bermaksud; ‘bahawa Allah (SWT) memerintahkan kamu supaya menunaikan amanah ke-

pada ahlinya (Surah an-Nisa, ayat 58)”.

“Dengan membelanjakan harta dan wang zakat bagi sebarang tujuan

selain daripada mengagihkan kepada asnaf, maka ia adalah penyelewengan dan perbuatan dosa yang mesti dihindari,” katanya lagi.

Menurut Wan Salim, berdasarkan ayat al-Quran surah at-Taubah ayat 60, zakat wajib diagihkan kepada lapan golongan asnaf sahaja iaitu fakir, miskin, amil (pengurus zakat)

mualaf, bagi membebaskan hamba abdi, pengemis,

perjuangan di jalan Allah SWT (fisabilillah) dan orang yang terkandas dalam perjalanan.

“Maka mengeluarkan zakat kepada selain daripada golongan itu tidak sah dan tidak diharuskan.

“Sesiapa yang memberi zakatnya kepada individu atau pihak bukan daripada asnaf yang ditentukan di dalam ayat al-Quran itu, dia diwajibkan supaya mengantikannya dengan mengeluarkannya kepada asnaf yang sebenar,” katanya.

Menerusi laporan media, Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, dua ejen yang ditahan itu membabitkan pasangan suami isteri.



DR Wan
Mohd
Salim